

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Mereka melihat saja negara
lemah dicerobohi, kata Dr M

'PBB gagal atasi krisis

dunia'

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana gagal menyelesaikan pertelingkahan dunia dengan berkesan.

Beliau kesal kerana keadaan politik dan ekonomi antara-bangsa begitu menyedihkan dan masyarakat antarabangsa hanya melihat saja bila negara-negara lemah seperti Kam-puchea, Afghanistan dan Lebanon diserang tanpa belas kasihan oleh kuasa-kuasa yang ingin meluaskan pengaruh.

Perdana Menteri berkata demikian di majlis makan malam meraikan rakan sejawatnya dari Kanada, Encik Pierre Trudeau di bangunan Parlimen di sini, malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menjadi tempat negara-negara kecil mengadu, terutama masya-bila menghadapi ancaman luar, sengaja dikongkong untuk menyekatnya dari membendung ancaman seperti itu.

Usaha memulihkan kepercayaan terhadap Bangsa-Bangsa Bersatu begitu mendesak, tegasnya.

Keamanan

"Negara-negara kecil seperti Malaysia mesti membantu memulihkan kepercayaan masyarakat antarabangsa kepada pertubuhan itu untuk menyelesaikan pertelingkahan dan mencapai keamanan dunia.

"Tetapi apa yang diperlukan ialah sokongan penuh kuasa-kuasa besar. Merekalah yang harus menghidupkan pertubuhan yang mereka laksanakan.

"Kalau Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu benar-benar mahu dijadikan bererti, negara-negara pengasas mesti sanggup menyokong, walaupun hilang upaya memutar-belikkan pertubuhan itu, kata beliau.

Perdana Menteri juga membidas negara-negara maju kerana menga-

malikan sikap serta dasar perdagangan yang merugikan negara membangun.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, negara-negara membangun merasai kesan-kesan kemeseletan ekonomi kerana dasar yang diamalkan oleh kuasa-kuasa perdagangan dan kewangan.

Kata beliau, kadar faedah tinggi dan lain-lain putar-belit berkaitan dalam sistem ekonomi bebas, dibiaran tanpa usaha a u s a h a membetulkannya oleh mereka yang kononnya mengaku menjadi pengawal sistem ini.

Sebagai contoh, Datuk Seri Dr Mahathir menyen-

gokkan sikap serta dasar perdagangan yang merugikan negara membangun. Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, negara-negara membangun merasai kesan-kesan kemeseletan ekonomi kerana dasar yang diamalkan oleh kuasa-kuasa perdagangan dan kewangan. Kata beliau, kadar faedah tinggi dan lain-lain putar-belit berkaitan dalam sistem ekonomi bebas, dibiaran tanpa usaha a u s a h a membetulkannya oleh mereka yang kononnya mengaku menjadi pengawal sistem ini.

Komoditi

"Alasannya ialah, minyak bukanlah faktor penting dalam kos pengeluaran. Tetapi bila harga minyak naik, harga barangan digandakan."

Perdana Menteri juga mengemukakan, Malaysia sebagai negara pengeluar beberapa jenis komoditi, sudah masak dengan fenomena ini dan kejatuhan harga getah dan limah ke tahap begitu rendah tidak juga mengurangkan harga barangan yang diperbuat dari bahan-bahan ini.

Schalliknya, Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan, masanya sudah tiba untuk pakar-pakar ekonomi Barat menerima hakikat bahawa keneletan ekonomi sekarang berpunca dari kenalkan gaji yang tidak mendatangkan hasil di negara mereka.

"Kesan mereka setelah menghadapi persaingan di pasaran tempatan dan luar negeri ialah untuk menaikkan sekatan tarif yang memusnahkan perdagangan dunia.

"Ekonomi dunia tidak akan pulih selagi mereka tidak menerima hakikat ini."



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (dua dari kiri) memperkenalkan rakan sejawatnya, Eric Pierre Trudeau (kiri) kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (dua dari kanan), di upacara sambutan

resmi lawatan pemimpin Kanada itu di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. Ketua Hakim Negara, Raja Tan Sri Azlan Shah (kanan) turut tersenyum riang apabila diperkenalkan kepada pemimpin Kanada itu.